



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**RAWATAN REHABILITASI YANG DITERIMA OLEH MANTAN PERDANA
MENTERI DI HOSPITAL REHABILITASI CHERAS (HRC)**

Pihak Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC) ingin merujuk kepada Kenyataan Media oleh Jabatan Penjara Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 21 September 2022 berkenaan Mantan Perdana Menteri, Dato' Sri Najib Razak yang sedang mendapatkan rawatan rehabilitasi dan pemantauan lanjut di Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC).

Adalah dimaklumkan bahawa beliau telah menjalani beberapa pemeriksaan dan rawatan rehabilitasi sepanjang keberadaan beliau di HRC. Hasil pemeriksaan terkini yang telah dilakukan terhadap beliau oleh Pakar Perubatan Rehabilitasi HRC mendapati tahap kesihatan beliau kini berada dalam keadaan yang baik. Beliau juga telah diberikan tunjuk ajar oleh Jurupulih Perubatan Fisioterapi HRC dan boleh menjalankan latihan teknik senaman secara sendiri.

Pakar perunding yang berkaitan juga telah mengadakan sidang keluarga (*family conference*) bersama beliau dan ahli keluarga terdekat, di mana mereka telah dimaklumkan situasi terkini keadaan kesihatan serta pelan pemantauan kesihatan beliau. Pakar perunding perubatan dari Hospital Kuala Lumpur dan HRC telah memberikan pelepasan perubatan dan membenarkan beliau dihantar semula ke Penjara Kajang.

Bersesuaian dengan matlamat HRC, kami akan terus komited dan telus dalam pemberian perkhidmatan bagi memastikan pesakit yang dirawat di sini dapat mencapai tahap potensi yang optimum dan membolehkan seseorang individu mencapai tahap kefungsi yang maksimum.

Sekian, terima kasih.

**HOSPITAL REHABILITASI CHERAS
23 September 2022**